

PERBANDINGAN KEMAHIRAN GENERIK PELAJAR OPSYEN BAHASA MELAYU DI SEBUAH IPTA DAN IPGM

Zamri Mahamod¹
Anisah Alias²
Nur Ehsan Mohd Said¹

¹Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

²Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Perempuan Melayu Melaka, Malaysia

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perbandingan kemahiran generik pelajar-pelajar opsyen Bahasa Melayu yang belajar di sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Tiga kemahiran generik digunakan bagi membuat perbandingan, iaitu kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berkumpulan. Seramai 127 orang pelajar dijadikan responden kajian. Daripada jumlah tersebut, seramai 77 orang pelajar IPTA dan 50 orang pelajar IPGM. Instrumen MyGSI digunakan dalam mengukur perbandingan kemahiran generik pelajar opsyen Bahasa Melayu ini. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dengan menggunakan kekerapan, peratusan dan min. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar IPTA lebih banyak menggunakan ketiga-tiga kemahiran generik berbanding pelajar IPGM.

Katakunci: Bahasa Melayu, Institut Pendidikan Tinggi Awam, Institut Pendidikan Guru Malaysia, kemahiran generik, kajian perbandingan

THE COMPARISON OF GENERIC SKILLS AMONG THE MALAY LANGUAGE OPTION STUDENTS FROM A PUBLIC INSTITUTION OF HIGHER EDUCATION AND TEACHER TRAINING INSTITUTE OF MALAYSIA

Abstract

This research was carried out to study the comparison of generic skills among the Malay language option students from a Public Institution of Higher Education (PIoHE) and Teacher Training Institute of Malaysia (TTIoM). Three generic skills were used to make the comparison, namely the skills of communication, leadership and group work. A total of 127 students were selected as research participants. From this number, 77 were from the PIoHE and 50 from the TTIoM. The Malaysian Generic Skills Instrument (MyGSI) instrument was used to measure the generic skills among the participants. Data were analyzed using descriptive statistics of frequency, percentage and mean. The findings indicated a higher rate of regularity of the three generic skills among the PIoHE students than the TTIoM students.

Keywords: comparative study, generic skills, malay language, Public Institution Of Higher Education, Teacher Training Institute of Malaysia

PENGENALAN

Kemahiran generik merupakan kemahiran yang perlu ada pada seseorang untuk berfungsi dengan berkesan pada kadar minima sewaktu melakukan pekerjaan mengikut kemahiran-

kemahiran khusus yang dimiliki. Kemahiran generik berkembang melalui proses semulajadi seperti tumbesaran, kematangan dan penuaan. Kemahiran generik ini telah turut dibincangkan di semua peringkat sama ada di peringkat rendah, menengah mahupun institusi pendidikan tinggi (IPT). Menurut Lukman (2005), IPTA yang berkualiti mampu melahirkan graduan yang berkualiti bukan sahaja dalam bidang akademik, tetapi juga dari segi kemahiran-kemahiran lain termasuk kepimpinan, kemahiran komunikasi, nilai murni dan sebagainya. Menurut Sharifah Hapsah (2005), jaminan kualiti di IPT adalah untuk memastikan graduan yang dilahirkan mempunyai kemahiran teknikal dan praktikal, profesional, kemahiran pengurusan pemikiran teknikal, kemahiran komunikasi dan kemahiran pengurusan maklumat serta pembelajaran sepanjang hayat. Jabatan Pendidikan Tinggi (KPT, 2006) pula meletak piawai (standard) bagi semua kurikulum dalam pendidikan tinggi di Malaysia harus mempunyai reka bentuk yang menerapkan kemahiran generik yang meliputi, iaitu (i) kemahiran berfikir, bertindak, mengadaptasi, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, (ii) kemahiran interpersonal dan berkomunikasi, (iii) kemahiran teknologi maklumat, multimedia dan kemahiran pengurusan maklumat, (iv) kemahiran kepimpinan, dan (v) kemahiran keusahawanan.

Kemahiran generik merupakan kemahiran yang perlu ada pada setiap pelajar. Kemahiran ini tidak hanya tertumpu pada perkara-perkara yang mereka pelajari dalam bidang mereka (Lizzio & Wilson, 2004). Kemahiran ini termasuklah kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berkumpulan dan kemahiran menyelesaikan masalah. Bagi melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran generik seperti ini, pihak guru perlu menerapkan elemen yang menggalakkan perkembangan kemahiran ini dalam diri setiap pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian dan ganjaran juga perlu diberikan kepada mereka yang menguasai elemen-elemen kemahiran generik. Oleh itu, Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM (1995) telah menggariskan lapan kemahiran generik yang perlu untuk pelajar sebagai persediaan untuk kerjaya, iaitu (i) kemahiran berkomunikasi, (ii) kemahiran menggunakan teknologi, (iii) kemahiran merancang dan mengelola aktiviti, (iv) kemahiran bekerja dengan orang lain dan dalam kumpulan, (v) kemahiran menyelesaikan masalah, (vi) kemahiran mengurus, memilih dan menganalisa maklumat, (vii) kemahiran menggunakan idea dan teknik matematik, dan (viii) kemahiran memahami budaya.

Kemahiran generik yang disebutkan juga termasuklah kepada bakal para guru yang akan menjadi agen sosialisasi dalam masyarakat. Guru seharusnya mempunyai segala kemahiran generik yang bersesuaian dengan keperluan pendidikan masa kini di samping ilmu pengetahuan berkaitan mata pelajaran yang diajar. Menurut Ahamad (2005), perkembangan dan kemajuan dalam pendidikan tanah air mendesak guru menguasai pelbagai kemahiran generik seperti kemahiran berfikir, mengguna dan mengintegrasikan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran, kemahiran belajar dan kebolehan menguasai bahasa kedua dengan baik. Kemahiran dan pengetahuan yang wujud pada guru menjadikan mereka guru yang berkualiti. Guru yang berkualiti sangat penting dalam memastikan agenda kerajaan untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020 tercapai. Penegasan ini dapat dilihat dalam Pelan Induk Pendidikan 2006-2010 (KPM, 2006) yang menyatakan peranan pendidikan sangat penting dalam usaha membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju 2020. Modal insan yang ingin dihasilkan perlu mampu untuk berfikir secara kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta peluang-peluang baru, mempunyai ketahanan serta kebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran dunia global yang sering berubah-ubah.

Sehubungan itu, kajian perbandingan untuk melihat tahap kemahiran generik pelajar opsyen Bahasa Melayu di sebuah IPTA dan sebuah IPG dijalankan. Setakat ini belum ada pengkaji yang membuat kajian tahap kemahiran generik pelajar opsyen Bahasa Melayu di IPT. Kebanyakan kajian yang dibuat adalah melihat tahap kemahiran generik guru-guru di sekolah menengah sahaja. Untuk tujuan itu, pelajar daripada sebuah IPTA dan sebuah IPG

dijadikan responden untuk mengetahui tahap kemahiran generik komunikasi, kepimpinan dan kerja berkumpulan dijalankan.

KONSEP KEMAHIRAN GENERIK

Kemahiran generik perlu ada bagi setiap pelajar. Kemahiran generik merupakan kemahiran yang tidak tertumpu kepada perkara-perkara yang mereka pelajari dalam sesuatu bidang sahaja. Kemahiran generik termasuklah kemahiran berkomunikasi, kemahiran menggunakan teknologi, kemahiran merancang dan mengelola aktiviti, kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran beretika dan moral. Sehubungan dengan itu, bagi melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran generik seperti ini, maka pihak guru mestilah menerapkan elemen-elemen yang menggalakkan perkembangan kemahiran ini dalam pengajaran mereka. *National Skills Task Force* (KPM, 2000) pula mendefinisikan kemahiran generik sebagai kemahiran yang sama digunakan dalam pelbagai jenis pekerjaan merangkumi kemahiran komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran bekerja secara kumpulan, kemahiran teknologi maklumat, kemahiran matematik dan kemahiran dalam membaiki perlakuan diri, kebolehan menjadualkan kerja, mendiagnostik masalah kerja, mengurus, merancang dan mengoperasi kerja secara teratur.

Beberapa orang telah mendefinisikan kemahiran generik kepada beberapa ciri khusus. Espinoza (1999) telah menyenaraikan beberapa kemahiran-kemahiran generik yang diperlukan oleh majikan seperti kebolehan mengadaptasi, analitik, komunikasi, inisiatif, interpersonal, kepimpinan, keyakinan diri, dan berkerja dalam kumpulan merupakan kemahiran generik. Pumphery (2001), mentakrifkan kemahiran generik sebagai kemahiran yang boleh berubah-ubah, yang terdiri daripada gabungan-gabungan pelbagai kemahiran yang boleh meningkatkan produktiviti individu. Kemahiran generik ini juga bergantung kepada sektor ataupun kumpulan pekerjaan yang dilakukan oleh sesorang pekerja itu untuk melakukan proses kerja untuk mendapatkan hasil yang diharapkan iaitu, kemahiran komunikasi, kemahiran fleksibiliti, kemahiran teknologi maklumat, pengurusan, kemahiran matematik, pengorganisasian kerja, bekerja secara kumpulan dan penyelesaian masalah.

Beberapa buah negara telah menggunakan istilah yang berbeza bagi kemahiran generik, namun begitu maksud dan tafsirannya adalah sama. Menurut *National Centre for Vocational Education Research* (2003), di United Kingdom, kemahiran generik dikenali sebagai kemahiran teras (*core skills*) dan kemahiran tambahan. Manakala majikan pula sering menggunakan kemahiran bercirikan keperluan majikan (*employability skills*). Antara kemahiran teras adalah, komunikasi, aplikasi per nomboran, dan penggunaan teknologi maklumat.

Di Kanada pula, para pengkaji telah mula memperkenalkan kemahiran generik pada tahun 1970 dan membahagikan kemahiran generik kepada dua kategori, iaitu kemahiran asas terdiri daripada kemahiran komunikasi, pengurusan maklumat, aplikasi per nomboran dan penyelesaian masalah dan kemahiran pengurusan personal, iaitu berfikiran positif, bertanggungjawab, fleksibiliti, sentiasa ingin belajar dan bekerja dalam keadaan selamat (*Conference Board of Canada, 2000*). *Conference Board of Canada* (2000) telah mengetengahkan tiga kumpulan kemahiran employability iaitu kemahiran asas, kemahiran mengurus diri dan kemahiran berpasukan. Setiap kemahiran tersebut terkandung di dalamnya sub-sub kemahiran. Subkemahiran tersebut adalah seperti berikut:

1. Kemahiran asas (Kemahiran komunikasi, kemahiran mengurus maklumat, kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran menggunakan nombor)
2. Kemahiran mengurus diri (Kebolehan bersikap positif, kebolehan bertanggungjawab dan kebolehan membuat penyesuaian)

3. Kemahiran berpasukan (Kebolehan bekerja dengan orang lain dan kebolehan melibatkan diri dalam sesuatu projek atau tugas).

Negara Amerika Syarikat telah mula secara giat memperkenalkan kemahiran generik pada tahun 1990. Di negara ini, kemahiran generik dinamakan sebagai *basic skills, necessary skills, workplace know-how*. Kemahiran generik dikategorikan kepada empat elemen, iaitu kemahiran teras seperti komunikasi dan aplikasi peromboran, kemahiran pemikiran aras tinggi seperti sentiasa boleh menerima perubahan, penyelesaian masalah, kreatif, berkebolehan membuat keputusan, belajar bagaimana untuk menimba ilmu dan kemahiran yang berkaitan dengan sifat, iaitu kejujuran, meletakkan matlamat dalam setiap pekerjaan dan sentiasa positif dengan kemampuan diri (*National Centre for Vocational Education Research, 2003*).

Berdasarkan perbincangan ini, jelas bahawa elemen kemahiran generik berbeza-beza mengikut negara. Perbezaan juga terdapat dari segi istilah yang digunakan di antara negara. Namun demikian, matlamat kemahiran generik digunakan adalah sama, iaitu untuk melihat pelajar-pelajar mempelajari dan menguasai setiap kemahiran generik tersebut.

PERNYATAAN MASALAH

Institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam membina masyarakat khususnya dalam konteks menjadikan Malaysia sebuah negara maju berasaskan pengetahuan. Institusi Pendidikan bukan sahaja dianggap sebagai institusi dalam proses mengembang dan membudayakan ilmu malah bertanggungjawab untuk memenuhi aspirasi dan jangkaan masyarakat serta negara dengan melahirkan pelajar yang berketrampilan, mampu berfikir secara rasional, kritis, kreatif, inovatif, berdisiplin dan berakhlak mulia (Abdul Hadi, 2000).

Ahamad (2005) dalam perutusan sempena Hari Guru 2005 menyatakan, perkembangan dan kemajuan dalam pendidikan tanah air mendesak guru menguasai pelbagai kemahiran generik, seperti kemahiran berfikir, kemahiran mengguna dan mengintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam pengajaran dan pembelajaran, kemahiran belajar, dan kebolehan menguasai bahasa kedua dengan baik. Penggunaan kemahiran generik secara berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran guru bahasa Melayu amat bergantung kepada penguasaan kemahiran pengintergrasiannya dengan kemahiran-kemahiran yang lain seperti kemahiran berfikir, kemahiran pemudahcaraan, kemahiran belajar, kemahiran menilai dan menaksir dalam pengajaran, dan tidak kurang pentingnya kemahiran TMK (Zamri & Mohamed Amin, 2008).

Namun begitu sejak akhir-akhir ini terdapat keluhan dan suara-suara yang mempertikaikan kewibawaan pelajar hasil pendidikan masa kini yang semakin menurun, terutama dalam aspek kepimpinan dan jati diri sekalipun telah bergelar graduan yang diakui keintelektualannya. Menurut hasil kajian Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Sumber Manusia (KSM, 2006), terdapat seramai 59,315 orang graduan gagal mendapat pekerjaan. Sebelas punca dikenal pasti dan tujuh daripadanya berkaitan dengan kelemahan kemahiran generik graduan tersebut. Pada 22 Ogos 2006, KPT memperkenalkan Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk IPT bagi menangani permasalahan ini. Modul ini digunakan merentas hampir kesemua kursus kurikulum mahupun kokurikulum di IPT dan perlaksanaannya diwajibkan ke atas semua IPTA. Berdasarkan pelbagai persepsi umum berkaitan pencapaian pelajar yang didapati kurang memberangsangkan ini, maka timbul persoalan sama ada IPPTA dan IPGM telah menyediakan segala pengetahuan dan kemahiran generik yang mencukupi kepada bakal guru ini?

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk membuat perbandingan kemahiran generik antara guru pelatih IPTA dan IPGM. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap kemahiran generik guru pelatih opsyen Bahasa Melayu berdasarkan kemahiran komunikasi.
2. Mengenal pasti tahap kemahiran generik guru pelatih opsyen Bahasa Melayu berdasarkan kemahiran kepimpinan.
3. Mengenal pasti tahap kemahiran generik guru pelatih opsyen Bahasa Melayu berdasarkan kemahiran kerja berkumpulan.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian perbandingan ini adalah untuk melihat tahap kemahiran generik bakal guru opsyen Bahasa Melayu di IPTA dan IPGM dijalankan. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk mengetahui:

1. Apakah tahap kemahiran generik guru pelatih opsyen Bahasa Melayu berdasarkan kemahiran komunikasi?
2. Apakah tahap kemahiran generik guru pelatih opsyen Bahasa Melayu berdasarkan kemahiran kepimpinan?
3. Apakah tahap kemahiran generik guru pelatih opsyen Bahasa Melayu berdasarkan kemahiran kerja berkumpulan?

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini Merupakan kajian kuantitatif menggunakan instrumen *Malaysian Generic Skills Inventory* (MyGSI). Kaedah penyelidikan kuantitatif dipilih kerana ia menerangkan sesuatu fenomena dalam bentuk angka dan ukuran (Mohd Majid, 2000). Item dianalisis menggunakan aplikasi Model Rasch bagi menentukan kebolehpercayaan dan kesahan konstruk MyGSI. Reka bentuk kajian adalah kajian tinjauan terhadap guru-guru pelatih tahun tiga Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Pengkhususan Bahasa Melayu di sebuah IPTA dan IPGM.

Responden Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui tahap kemahiran generik pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Pengkhususan Bahasa Melayu di sebuah IPTA dan IPGM. Seramai 127 orang guru pelatih tahun tiga telah dipilih secara rawak mudah sebagai sampel kajian. Chua Yan Piaw (2006) menyatakan saiz sampel yang kurang daripada 100 tidak sesuai kerana akan berlaku turun naik yang besar dalam pengiraan, terutama apabila kajian dijalankan.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini ialah set borang soal selidik *Malaysian Generic Skill Inventory* (MyGSI). Instrumen MyGSI ini telah dibangunkan oleh sekumpulan penyelidik UKM yang diketuai oleh Siti Rahayah et al. (2008). Soal selidik ini menggunakan skala Likert untuk memberi penilaian terhadap tahap kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berkumpulan guru pelatih. Setiap kriteria akan dinilai bermula daripada "Sangat Tidak Setuju (1)" hingga "Sangat Setuju (5)". Soal selidik ini

mengandungi 81 item dan terdiri dari dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi soal selidik terdiri daripada item-item demografi responden. Item-item pada bahagian ini meninjau perkara berkaitan dengan latar diri responden. Soalan-soalan demografi seperti pengkhususan, tahun pengajian, pengalaman bekerja dan keputusan CGPA terkini pelajar. Manakala bahagian B pula mengandungi tiga konstruk kemahiran generik yang terdiri daripada konstruk komunikasi, kepemimpinan dan kerja berkumpulan. Setiap konstruk terdiri daripada beberapa subkonstruk. Selain itu, soal selidik ini dibangunkan berdasar Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM).

Kajian rintis untuk melihat kesesuaian dan keberkesanan instrumen kajian ini. Kajian rintis juga perlu dilakukan kerana terdapat 68 item yang telah digugurkan daripada 149 item asal berdasarkan kajian Siti Rahayah et al. (2008), iaitu menggugurkan item dengan menggunakan analisis *Differential Item Functioning* (DIF) dan *Gender Differential Item Functioning* (GDIF) berdasarkan Model Rasch. Pengkaji ingin melihat kebolehppercayaan item berdasarkan khalayak yang berbeza. Kajian rintis dijalankan dalam bulan Mac 2009. Pengkaji telah memilih sebuah IPG di Kuala Lumpur sebagai lokasi kajian rintis. Seramai 76 orang pelajar yang terdiri daripada 33 orang lelaki dan 43 orang perempuan telah digunakan. Komposisi kaum dan opsyen pelajar adalah pelbagai.

KAJIAN RINTIS

Pengkaji menjalankan kajian rintis untuk melihat kesesuaian dan keberkesanan instrumen kajian ini. Kajian rintis juga perlu dilakukan kerana terdapat 68 item yang telah digugurkan daripada 149 item asal berdasarkan kajian Siti Rahayah et al. (2008), iaitu menggugurkan item dengan menggunakan analisis *Differential Item Functioning* (DIF) dan *Gender Differential Item Functioning* (GDIF) berdasarkan Model Rasch. Pengkaji ingin melihat kebolehppercayaan item berdasarkan khalayak yang berbeza. Kajian rintis dijalankan dalam bulan Mac 2009. Pengkaji telah memilih sebuah IPG di Kuala Lumpur sebagai lokasi kajian rintis. Seramai 76 orang pelajar yang terdiri daripada 33 orang lelaki dan 43 orang perempuan telah digunakan. Komposisi kaum dan opsyen pelajar adalah pelbagai.

Kesahan Dan Kebolehppercayaan Instrumen Kajian

Kajian rintis perlu dilakukan kerana terdapat 68 item yang telah digugurkan daripada 149 item asal berdasarkan kajian Siti Rahayah et al. (2008), iaitu menggugurkan item dengan menggunakan analisis *Differential Item Functioning* (DIF) dan *Gender Differential Item Functioning* (GDIF) berdasarkan Model Rasch. Nilai alpha yang diperolehi adalah 0.9607 bagi semua konstruk. Ini menunjukkan soal selidik ini boleh digunakan serta mempunyai nilai kebolehppercayaan yang tinggi, iaitu item dalam kemahiran komunikasi (0.96), kemahiran kepimpinan (0.80) dan kemahiran kerja berpasukan (0.85) adalah tinggi. Ini bermaksud jangkaan pengulangan semula susunan kedudukan item kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan dan kemahiran kerja berkumpulan adalah tinggi jika set item ini dijawab oleh kumpulan sampel yang lain, tetapi sepadan dari segi kebolehan (Wright & Masters, 1982). Hasil analisis menunjukkan MyGSI sesuai digunakan berdasarkan nilai kebolehppercayaan item melebihi 0.80 (Bond & Fox, 2001).

Tatacara Penganalisan Data

Soal selidik yang dikumpulkan akan dianalisis melalui komputer menggunakan "*Statistical Packages for the Social Science*" (SPSS) bagi mendapatkan data yang tepat. Dapatan analisis dipaparkan dalam bentuk jadual yang menunjukkan kekerapan, peratusan dan min. Keputusan kajian dibincangkan daripada data yang diperolehi mengikut setiap konstruk berpandukan soalan kajian. Setelah borang soal selidik dikumpulkan, persepsi setiap guru pelatih disemak berpandukan panduan pemarkahan yang telah disediakan. Data yang

diperoleh daripada responden akan dimasukkan ke dalam perisian *Statistical Packages for The Social Science* (SPSS) versi 11.5. Analisis data dijalankan dengan mengelaskan mengikut persoalan kajian. Kaedah analisis yang digunakan ialah kekerapan, peratusan dan min. Manakala ujian-t digunakan untuk melihat perbezaan antara jantina dan institusi pengajian bagi ketiga-tiga kemahiran generik yang dikaji tersebut. Nilai purata min diambil berdasarkan pendapat Alias (1993) dan Chua Yan Piaw (2006) yang menyatakan nilai min yang melebihi paras 3.67 bermaksud item-item yang terdapat dalam sesuatu konstruk yang dikaji mempunyai nilai kebolehpercayaan yang amat tinggi.

DAPATAN KAJIAN

Perbandingan Kemahiran Komunikasi Guru Pelatih Opsyen Bahasa Melayu di IPTA dan IPGM

Berdasarkan Jadual 1, secara perbandingan purata min keseluruhan kemahiran komunikasi berdasarkan subkonstruk yang dikaji adalah di antara 3.499 hingga 3.907. Purata min tertinggi didapati pada subkonstruk kemahiran membuat pembentangan dengan min 3.907. Ini bermakna guru pelatih banyak menggunakan kemahiran pembentangan menggunakan bantuan teknologi di dalam proses pembelajaran dan ini menjadikan mereka lebih yakin. Min terendah pula didapati pada subkonstruk kebolehan menggunakan kemahiran bukan lisan dengan min 3.499. Lain-lain subkonstruk yang dikaji adalah tinggi seperti kebolehan menyampaikan idea secara bertulis – min 3.701, kebolehan menyampaikan idea secara lisan – min 3.787, kebolehan berinteraksi dengan khalayak pelbagai – min 3.799, kebolehan berunding – min 3.848, kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar – min 3.887 dan kebolehan membuat rumusan – min 3.896. Purata keseluruhan min kemahiran komunikasi yang dimiliki guru pelatih dalam kajian ini ialah min 3.791.

Perbandingan purata min subkonstruk komunikasi berdasarkan institusi pengajian mempamerkan pada keseluruhannya purata min guru pelatih IPTA (min 3.95) mengatasi purata min guru pelatih IPGM (min 3.67). Guru pelatih opsyen Bahasa Melayu di IPTA lebih banyak menggunakan kemahiran komunikasi, terutamanya yang melibatkan komunikasi ketika pembentangan (min 4.14), kemahiran mendengar (min 4.12), berunding (min 4.01) dan berinteraksi (min 4.00). Hal ini jauh berbeza dengan kebolehan berkomunikasi guru-guru pelatih IPGM. Kesimpulannya ialah guru pelatih opsyen Bahasa Melayu di IPTA lebih banyak menggunakan kemahiran berkomunikasi berbanding guru pelatih opsyen Bahasa Melayu di IPGM.

Jadual 1 Purata min keseluruhan subkonstruk kemahiran komunikasi antara guru pelatih opsyen Bahasa Melayu di IPTA dan IPGM

Bil.	Subkonstruk Komunikasi	Purata Min		
		IPTA	IPGM	Keseluruhan
1	Kebolehan menggunakan kemahiran bukan lisan	3.50	3.50	3.499
2	Kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar	4.12	3.70	3.887
3	Kebolehan menyampaikan idea secara lisan	3.96	3.64	3.787
4	Kebolehan menyampaikan idea secara bertulis	3.87	3.57	3.701
5	Kebolehan membuat pembentangan	4.14	3.72	3.907
6	Kebolehan berunding	4.01	3.72	3.848
7	Kebolehan berinteraksi	4.00	3.81	3.799
8	Kebolehan membuat rumusan	3.97	3.66	3.896
	Purata Min Keseluruhan	3.95	3.67	3.791

Perbandingan Kemahiran Kepimpinan Guru Pelatih Opsyen Bahasa Melayu di IPTA dan IPGM

Jadual 2 membincangkan purata skor min bagi subkonstruk kemahiran kepimpinan bagi 127 pelajar IPTA dan IPGM. Analisis menunjukkan guru pelatih memiliki purata min yang tinggi iaitu melebihi min 3.67 bagi kesemua subkonstruk kemahiran kepimpinan. Berdasarkan subkonstruk kemahiran kepimpinan, kebolehan mengambil kira pandangan berbeza didapati memiliki min paling tinggi, iaitu dengan min 4.03, diikuti kebolehan membawa ahli kepada satu kesepakatan dan kebolehan mengenal pasti dan mengembangkan potensi dengan min 3.94. Guru pelatih IPTA dan IPGM didapati paling kurang memiliki kebolehan memberi arahan di dalam kemahiran kepimpinan, di mana min yang diperolehi hanya 3.83, diikuti kesediaan menerima tanggungjawab dan kebolehan menyelesaikan tugas multi dimensi dengan min 3.91. Purata keseluruhan kemahiran kepimpinan yang dimiliki oleh guru pelatih IPTA dan IPGM ialah min 3.925, iaitu dikategorikan sebagai min tahap tinggi.

Apabila dibuat perbandingan, didapati guru pelatih IPTA memiliki skor min yang lebih tinggi bagi kelapan-lapan subkonstruk kemahiran kepimpinan berbanding skor min yang dimiliki oleh guru pelatih IPGM dengan purata min 4.10 berbanding purata min guru pelatih IPGM, iaitu min 3.79. Perbezaan ini menunjukkan bahawa guru pelatih opsyen Bahasa Melayu IPTA lebih bersedia menerima tanggungjawab, berkebolehan merancang dan mengurus, berkebolehan mengambil kira pandangan yang berbeza, berkebolehan memberi arahan, berkebolehan membuat keputusan tepat, berkebolehan mengenal pasti dan mengembangkan potensi dan berkebolehan menyelesaikan tugas multi dimensi berbanding guru pelatih opsyen Bahasa Melayu IPGM.

Jadual 2 Purata min keseluruhan subkonstruk kemahiran kepimpinan antara guru pelatih opsyen Bahasa Melayu di IPTA dan IPGM

Bil.	Subkonstruk Kepimpinan	Purata Min		
		IPTA	IPGM	Keseluruhan
1	Kesediaan menerima tanggungjawab	4.06	3.79	3.91
2	Kebolehan merancang dan mengurus	4.08	3.79	3.92
3	Kebolehan mengambil kira pandangan berbeza	4.23	3.87	4.03
4	Kebolehan memberi arahan	3.98	3.70	3.83
5	Kebolehan membawa ahli kepada satu kesepakatan	4.06	3.84	3.94
6	Kebolehan membuat keputusan tepat	4.09	3.78	3.92
7	Kebolehan mengenal pasti dan mengembangkan potensi	4.19	3.74	3.94
8	Kebolehan menyelesaikan tugas multi dimensi	4.08	3.77	3.91
	Purata Min Keseluruhan	4.10	3.79	3.925

Perbandingan Kemahiran Kerja Berkumpulan Guru Pelatih Opsyen Bahasa Melayu di IPTA dan IPGM

Perbandingan item antara subkonstruk kemahiran kerja berkumpulan dalam kalangan guru pelatih IPTA dan IPGM menunjukkan perbezaan. Berdasarkan Jadual 3, didapati min bagi subkonstruk kebolehan menerima kepelbagaian yang wujud dalam kumpulan merupakan min tertinggi dimiliki oleh guru pelatih IPTA (min 4.18) dan IPGM (min 3.96) berbanding subkonstruk kemahiran kerja berkumpulan yang lain. Ini menunjukkan bahawa guru pelatih Bahasa Melayu di IPTA dan IPGM bersikap terbuka dan menyedari perbezaan yang wujud

antara setiap ahli kumpulan. Manakala min bagi subkonstruk menjadi pemimpin dan pengikut merupakan min terendah dimiliki oleh guru pelatih kedua-dua institusi berbanding dengan subkonstruk kemahiran kerja berkumpulan yang lain.

Dari segi institusi pengajian, analisis mendapati guru pelatih opsyen Bahasa Melayu di IPTA memperoleh purata min lebih tinggi bagi kemahiran kerja berkumpulan (min 4.09) berbanding guru pelatih opsyen Bahasa Melayu di IPGM (min 3.79). Hal ini bermakna kemahiran kerja berkumpulan guru pelatih opsyen Bahasa Melayu IPTA lebih baik jika dibandingkan dengan kemahiran kerja berkumpulan guru pelatih opsyen Bahasa Melayu IPGM

Jadual 3 Purata min keseluruhan subkonstruk kemahiran kerja berkumpulan antara guru pelatih opsyen Bahasa Melayu di IPTA dan IPGM

Bil	Subkonstruk	Purata Min		
		IPTA	IPGM	Keseluruhan
1	Kebolehan membina kerja berkumpulan	4.11	3.79	3.93
2	Kebolehan menjadi pemimpin dan pengikut	3.99	3.68	3.82
3	Kebolehan menghormati pandangan orang lain	4.11	3.82	3.95
4	Kebolehan menerima kepelbagaian	4.18	3.96	4.06
5	Kebolehan memberi sumbangan	4.06	3.69	3.86
6	Kebolehan bert/jawab terhadap keputusan kumpulan	4.11	3.74	3.91
7	Kebolehan membantu rakan secara proaktif	4.08	3.84	3.94
	Purata Min Keseluruhan	4.09	3.79	3.92

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Tahap Kemahiran Komunikasi Pelajar IPTA dan IPG Opsyen Bahasa Melayu

Dapatan kajian menunjukkan pelajar IPTA dan IPG opsyen Bahasa Melayu mempunyai persepsi kemahiran komunikasi yang tinggi bagi kelapan-lapan subkonstruk yang dikaji, iaitu purata min keseluruhan 3.791. Ini dibuktikan apabila subkonstruk kebolehan membuat pembentangan dengan yakin dan berkesan menggunakan bantuan teknologi, berada pada hirarki tertinggi dimiliki oleh pelajar IPTA berbanding IPG. Ini menunjukkan IPTA berjaya menerapkan penggunaan kemahiran TMK berkesan dalam kalangan pelajarannya. Di samping itu, kemudahan TMK yang lengkap di IPTA berbanding IPG juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan terdapat jurang perbezaan tahap kemahiran TMK pelajar IPTA dan IPG. Namun begitu min bagi subkonstruk ini berada pada tahap yang tinggi walaupun ia bukan pilihan utama pelajar IPG. Dapatan ini, selaras dengan kajian Kamaruzzaman (2001) yang mendapati tahap pengetahuan komputer dalam kalangan guru Bahasa Melayu berada pada tahap tinggi. Dapatan ini juga menyamai dan bertepatan dengan kajian-kajian yang dilakukan oleh Mohd. Jasmy dan Ros Azura (2002), dan Nor Aini (2008). Penggunaan audio visual membantu pelajar membuat pembentangan dengan lebih berkesan kerana data-data, statistik dan imej-imej lain yang dipaparkan di skrin akan lebih memudahkan pelajar menyampaikan maklumat dengan jelas dan tersusun.

Manakala subkonstruk kebolehan berinteraksi dengan khalayak pelbagai budaya menggunakan laras bahasa yang sesuai, berada pada hirarki paling tinggi dimiliki oleh

pelajar IPG. Ini menunjukkan budaya IPG menggalakkan sosialisasi interaksi dalam kalangan pelajar. Faktor persekitaran dan lokasi IPG lebih menggalakkan mereka berinteraksi dengan pelajar dari pelbagai bangsa dan budaya. Interaksi yang baik dan berkesan memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran dan keharmonian antara kaum itu terus terpelihara (Abdulsyani, 2002).

Namun demikian, subkonstruk kebolehan menggunakan kemahiran bukan lisan, berada pada hirarki yang paling rendah dengan purata min 3.50 dimiliki oleh pelajar IPTA dan IPG. Ini adalah petunjuk yang kurang baik dalam usaha membentuk insan yang seimbang seperti yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kajian Jamaluddin (2009) menunjukkan apabila berkomunikasi secara berhadapan, hanya 10 peratus sahaja kesan komunikasi yang dihasilkan dari percakapan dan perkataan. Manakala 90 peratus kesan komunikasi datangnya dari gerak bukan lisan seperti mimik muka, temuan mata, gerak tubuh, penampilan keseluruhan dan nada suara. Kelemahan kemahiran bukan lisan ini akan mengakibatkan pelajar gagal memahami pelajar dan akibatnya mereka tidak dapat menguruskan bilik darjah secara efektif, memilih tugas-tugas yang sesuai, memberi bimbingan kepada proses pembelajaran dan melestarikan tahap motivasi pelajar untuk belajar. Dapatan ini menyamai dapatan kajian yang dijalankan oleh Sharifah Nor Anita (2002), Hashamiza (2004), Nurul Afizah (2005), Umi Nadiha (2011) dan Mohd Izham (2011). Sebagai contoh, Mohd Izham (2011) melaporkan bahawa kelemahan pelajar IPTA ialah kelemahan berkomunikasi, terutamanya ketika berucap atau bercakap di khalayak ramai. Dengan kata lain ialah kebanyakan pelajar IPTA mempunyai tahap kemahiran generik pada tahap sederhana dan lemah.

Tahap Kemahiran Kepimpinan Pelajar IPTA dan IPG Opsyen Bahasa Melayu

Dapatan kajian menunjukkan pelajar IPTA dan IPG opsyen Bahasa Melayu mempunyai persepsi kemahiran kepimpinan yang tinggi bagi kelapan-lapan subkonstruk yang dikaji dengan purata min keseluruhan 3.925. Kemahiran komunikasi yang tinggi membolehkan pelajar opsyen Bahasa Melayu menggunakan bahasa yang betul didalam komunikasi verbal bagi mengelakkan berlakunya konflik semasa berhubung dengan orang lain. Pernyataan ini disokong oleh kajian yang pernah dilakukan oleh Nurul Afizah (2005) terhadap para pelajar di salah sebuah IPTA mendapati, melalui penerapan kemahiran komunikasi yang baik ia akan menyumbang kepada keupayaan memimpin, mendorong, berunding, meleraikan konflik, menyelesaikan masalah serta mewujudkan satu hubungan yang sihat. Kemahiran komunikasi berkesan merupakan salah satu ciri pemimpin yang berkesan kerana beliau dapat mempertahankan pendirian dan menyakinkan orang lain.

Pemimpin yang berkesan memerlukan kecerdasan emosi (EQ) yang tinggi. EQ adalah kemahiran menguruskan perasaan terhadap diri sendiri dan masyarakat sekeliling. EQ yang tinggi dapat membentuk individu yang berjaya dan cemerlang dalam hubungan interpersonal dan intrapersonal (Noriah, 2005). Pelajar yang memiliki tahap kemahiran kepimpinan yang tinggi, dinyatakan memiliki tahap kecerdasan emosi yang tinggi. Tahap kecerdasan emosi yang tinggi merupakan faktor paling utama yang perlu ada pada seseorang guru bagi melahirkan pelajar yang cemerlang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelegnya. Subkonstruk kebolehan mengambil kira pandangan berbeza, memperoleh nilai min tertinggi berdasarkan persepsi yang dimiliki oleh pelajar IPG dalam konstruk kemahiran kepimpinan berbanding pelajar IPTA. Ini membuktikan pelajar IPG mampu bersikap terbuka dan menerima pendapat orang lain dalam apa jua situasi demi pembangunan diri dan institusi. Pelajar IPG juga berkebolehan menghasilkan kerja yang positif dan berwibawa memimpin untuk menuju kepada matlamat yang sama.

Subkonstruk kebolehan mengenal pasti dan mengembangkan potensi ahli lain, merupakan pilihan utama pelajar IPTA dengan purata min 4.19. Ini membuktikan pelajar IPTA boleh mengenal pasti potensi yang ada pada orang lain, mempromosikan dan menggalakkan

mereka untuk mencapai potensi masing-masing. Johnson (1997) menyatakan, pengurus yang baik adalah pengurus yang berkebolehan menggalakkan orang bawahannya untuk mencapai tahap keyakinan diri yang tinggi. Sikap pengurus yang begini akan dapat memberi kesan yang positif kepada organisasi. Pernyataan ini disokong oleh Azam (2010) yang menyatakan hubungan baik di antara pemimpin dan orang bawahan akan dapat menghasilkan lima tindakan yang positif dalam organisasi seperti nilai murni pekerja, *freelancework*, bertanggungjawab memberi pandangan dan berkongsi pengetahuan serta mengambil berat kebajikan orang bawahan.

Kajian juga mendapati pelajar-pelajar IPTA dan IPG lebih cenderung melaksanakan sendiri tugas kerana mereka agak cerewet dan teliti dalam melaksanakan tugas serta merasakan tugas tersebut merupakan tanggungjawab yang perlu beliau pikul dan laksanakan dengan penuh rasa tanggungjawab. Mereka didapati lebih berpuashati dengan hasil kerja sendiri berbanding dengan meminta orang lain melakukan tugas tersebut. Kesimpulannya, kemahiran kepimpinan yang berkesan seharusnya mengamalkan sikap terbuka dalam menerima kritikan dari orang bawahan.

Tahap Kemahiran Kerja Berpasukan Pelajar IPTA dan IPG Opsyen Bahasa Melayu

Secara umum, pelajar IPTA dan IPG opsyen Bahasa Melayu memiliki tahap kemahiran kerja berpasukan yang tinggi bagi ketujuh-tujuh subkonstruk kemahiran kerja berpasukan dengan purata min keseluruhan 3.92. Subkonstruk kebolehan menerima kepelbagaian yang wujud dalam kumpulan, berada pada hirarki yang tertinggi dimiliki oleh pelajar IPTA dan IPG. Keadaan ini menunjukkan pelajar kedua-dua institusi ini memiliki tahap kecerdasan emosi yang tinggi. Mereka lebih bersikap terbuka dan bersedia menerima pandangan yang pelbagai. Pelajar yang memiliki tahap kecerdasan emosi yang tinggi mampu menghadapi sebarang cabaran dan rintangan yang mendatang. Menurut Caroselli (2000), pemimpin yang berkesan mengamalkan sikap terbuka, boleh dipercayai, berkongsi pandangan dan komitmen dalam melaksanakan tugasnya. Hasil kajian ini juga mendapati guru-guru pelatih Bahasa Melayu ini dapat melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan lebih baik kerana kelebihan kemahiran komunikasi yang ada dalam diri mereka menyebabkan mereka mudah diterima oleh pelajar. Mereka dapat menyampaikan pengajaran dengan menggunakan bahasa yang berkesan dan lebih memahami permasalahan atau kelemahan pelajar dengan lebih baik berbanding guru yang kaku dengan opsyen sendiri. Hubungan yang baik dan memahami pelajar membolehkan guru-guru pelatih bahasa ini dapat menggunakan aras pengajaran yang bersesuaian dengan pelajar. Guru-guru pelatih bahasa ini boleh dianggap sebagai guru yang '*versatile*'. Mereka berkebolehan menyesuaikan diri dengan pelbagai keadaan.

Subkonstruk kebolehan untuk menjadi pemimpin dan pengikut pula didapati berada pada hirarki yang terendah dimiliki oleh pelajar IPTA dan IPG. Namun begitu min ini masih ditahap yang tinggi. Menurut Naisbitt (1995), pemimpin yang berkesan menunjukkan komitmen dan dorongan yang tinggi. Pemimpin jenis ini menjadi model kerana kecemerlangan yang dipamerkan menerusi sikap yang konsisten, terbuka dan berakhlak mulia. Keperibadian yang ditunjukkan akan memberi kekuatan, keyakinan dan menjadi idola kepada orang bawahannya. Dapatan kajian mendapati sikap pelajar yang suka melakukan sendiri tugas yang dipertanggungjawabkan merupakan salah satu faktor penyumbang kebolehan menjadi pemimpin dan pengikut kurang menjadi pilihan pelajar IPTA dan IPG. Ini jelas dapat dilihat apabila item "*kemampuan pasukan saya adalah yang terbaik semasa saya boleh berfikir secara kreatif*", merupakan min terendah di antara empat item yang diusulkan. Pelajar didapati kurang yakin dengan kemampuan pasukan untuk melaksanakan tugas bersesuaian dengan pemikiran beliau. Pendapat ini menyokong kajian yang dibuat oleh (Anisah, 2010) yang mendapati dalam cara bekerja, pelajar opsyen Bahasa Melayu di IPT mempunyai kecenderungan yang tinggi sebagai pelajar individu.

Kemahiran untuk bekerja dalam satu kumpulan merupakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh setiap pelajar. Ini disokong oleh Noor Hafisah (2008) yang menyatakan bahawa kemahiran bekerja dalam kumpulan adalah penting dalam proses pembelajaran dan pekerjaan. Ini kerana aktiviti berkumpulan akan dapat membawa kepada beberapa kemahiran lain seperti berkomunikasi, berfikir serta merancang kerja yang hendak dilakukan. Kualiti pekerjaan yang dihasilkan secara berkumpulan adalah lebih baik kerana ia dibuat berdasarkan keputusan dan sebulat suara dalam kumpulan tersebut (Nurul Afizah, 2005). Kesimpulannya, pelajar IPTA dan IPG opsyen Bahasa Melayu memiliki kebolehan untuk bekerjasama dalam kumpulan daripada pelbagai latar belakang sosiobudaya untuk mencapai matlamat yang sama.

KESIMPULAN

Kemahiran generik perlu diberi penekanan dalam menghasilkan modal insan yang dapat memenuhi keperluan negara. Oleh itu, guru-guru pelatih yang sedang mengikuti kursus keguruan di IPTA dan IPGM perlu diterapkan kemahiran generik dalam kalangan mereka. Penerapan dan pengaplikasian kemahiran generik tidak hanya terbatas kepada tiga kemahiran generik yang dikaji, iaitu kemahiran berkomunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan, tetapi juga kemahiran-kemahiran generik yang lain seperti kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran teknologi maklumat, kemahiran merancang dan mengelola aktiviti, kemahiran beretika dan sebagainya. Semua kemahiran generik ini amat penting bagi setiap guru pelatih Bahasa Melayu yang menjadi fokus kajian ini.

Pihak Bahagian Pendidikan Guru (BPG) perlu mengambil lebih ramai lulusan STPM, Matrikulasi dan Diploma untuk menjalani latihan perguruan di IPG seluruh Malaysia. Pelajar lulusan STPM, Matrikulasi dan Diploma dipercayai lebih matang dan memiliki tahap kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan tinggi. Kurikulum Program Pra Ijazah Sarjana Muda (PPISMP) yang diadakan di IPG seluruh Malaysia perlu dibuat penambahbaikan bagi memastikan program tersebut dapat melahirkan pelajar yang benar-benar kompeten. Pelajar-pelajar juga perlu didedahkan dengan persekitaran dan kaedah pengajaran yang lebih menggalakkan pertumbuhan kemahiran generik mereka.

RUJUKAN

- Abdul Hadi Mohamad. 2000. *Konsep Kemahiran Berfikir: Pengertian Kemahiran Berfikir*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Abdulsyani. 2002. *Sosiologi Sistemik: Teori dan Terapan*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Ahamad Sipon. 2005. *Perutusan Hari Guru 2005*.
- Alias Baba. 1993. *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anisah Alias. 2010. Penggunaan Instrumen MyGSI dalam Mengukur Tahap Kemahiran Generik Pelajar Opsyen Bahasa Melayu di Sebuah IPTA dan IPG. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Azam Adnan. 2010. Inisiatif Pengetua dalam Menentukan Kejayaan Organisasi sekolah. *Jurnal Pendidikan*. <http://www.smkbp.com/index.php/laman-pengetua/138-cabaran-guru-masa-kini> [2 Februari 2011].
- Bond, T.G. & Fox, C.M. 2001. *Applying the Rasch model: Fundamental Measurement in the Human Sciences*. London: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.

- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah Penyelidikan*. Petaling Jaya: Mc Graw Hill Education.
- Conference Board of Canada. 2000. Employability Skills 2000+. www.coferenceboard.ca/education. [12 Disember 2010].
- Caroselli, M. 2000. *Leadership Skills for Managers*. New Jersey: The McGraw-Hill Companies, Inc.
- Espinoza, J.M. 1999. *Skills Students Learn while Working in College*. Blackburg: Virginia Press.
- Hashamiza Hamdan. 2004. Pengintegrasian aspek-aspek kemahiran generik dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi program kemahiran tinggi selaras dengan keperluan industri: Satu kajian kes di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dari perspektif pengajar. Tesis Sarjana. Kolej Universiti Tun Husein On, Batu Pahat. <http://www.moe.edu.my/hariguru/perutusanKPPM.html> [20 Februari 2007]
- Jamaludin Badusah. 2009. Memperkasakan graduan abad ke-21 dengan penerapan kemahiran insaniah melalui kokurikulum di institut pengajian tinggi. Dlm. Saemah Rahman, Mohd Izham Mohd Hamzah & Auzar. (Pnyt.). *Reformasi Pendidikan Serantau*. hlm.9-24. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Johnson, R. S. 1997. *Leadership for the Quality Transformation*. Malaysia: Synergy Book International.
- Kamaruzzaman Ismail. 2001. Penggunaan computer dalam kalangan pengajar dan pelajar di sebuah institusi pengajian tinggi teknikal. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kementerian Pelajaran Malaysian. 2006. *Pelan Induk Pendidikan 206-2010*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1995. *Kemahiran generik*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2006. *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah*. Putrajaya: Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi.
- Kementerian Sumber Manusia. 2006. *Laporan Pasaran Buruh tahun 2005*. Jabatan Tenaga Rakyat. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional.
- Lizzio, A. & Wilson, K. 2004. First year students' perception of capability. *Research in Higher Education*, 29: 109-126.
- Lukman Ismail. 2005. *Utusan Malaysia*. Jumaat, 27 Mei 2005, ms 7.
- Mohd Izham Mohd Hamzah. 2011. Analisis keperluan majikan terhadap kemahiran generik bagi pembangunan modal insan. Dlm. Zamri Mahamod, Jamalul Lail Abdul Wahab & Mohammed Sani Ibrahim (Pnyt.). *Transformasi dan inovasi dalam pendidikan*, 449-462. Bangi: Penerbitan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Jasmy Abd. Rahman & Ros Azura Jantan. 2002. Tahap penggunaan laman web pendidikan dalam kalangan guru Bahasa Melayu. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri 3*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Majid Konting. 2000. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Edisi Ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Naisbitt, J. 1995. *Megatrends Asia the Eight Asian Megatrends that are Changing the World*. London. Nicholas Brealey Publishing.

- National Centre for Vocational Education Research. 2003. *Defining generic skills: At a glance*. Adelaide, Australia: NCVER.
<http://www.ncver.edu.au/research/proj/nr2102b.pdf> [20 February 2011].
- National Skill Task Force. 2000. *Skill for all*. Research Report from The National Skill Task Force United Kingdom. Unpublished.
- Noor Hafisah Sapuan. 2008. *Kemahiran generik yang diperolehi pelajar sarjana muda teknologi serta pendidikan (Kemahiran hidup) PKPG semasa menjalani latihan industri*. Projek Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nor'Aini Ahmad. 2008. Tahap kemahiran ICT dalam kalangan guru Bahasa Melayu sekolah menengah. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Noriah Mohd Ishak. 2005. *Pengurusan Kecerdasan Emosi (EQ) dalam Pembangunan Kendiri Pelajar*. Seminar Pengetuaan Kebangsaan Auditorium Kampus Kota, Universiti Malaya. 11 – 12 Mei.
- Nurul Afizah Adnan. 2005. Perkaitan profil kemahiran generik aliran teknikal di politeknik Malaysia. Tesis Sarjana. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Pumphery, J. 2001. *A Comprehensive Summary of Generic Skills Requirement*. London: The Council For Administration.
- Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin. 2005. *Kerangka Kelayakan Malaysia*. Kuala Lumpur: Lembaga Akreditasi Negara.
- Sharifah Noor Anita Syed Jaafar. 2002. Penguasaan kemahiran generik dalam memenuhi kehendak pasaran kerja: Kajian di kalangan pelajar semester akhir Diploma Kejuruteraan di Politeknik Port Dickson. Tesis Sarjana. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat.
- Siti Rahayah Ariffin, Noriah Mohd. Ishak, Abdul Ghafur Ahmad, Rodiah Idris & Nur 'Ashiqin Najmuddin. 2008. Communication, leadership and teamwork skills as core competencies among higher education students. Proceeding ASAIHL International Conference Bangkok 2008, 149-158.
- Umi Nadiha Mohd Nor. 2011. penerapan kemahiran generik dalam pengajaran guru bahasa Melayu sekolah menengah. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Wright, B.D. & Masters, G.N. 1982. *Rating Scale Analysis*. Chicago: MESA Press.
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. 2008. *Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Teori dan Praktis*. Shah Alam: Karisma Publications.

Corresponding Author: d-zam@ukm.my